

# **MCIS INSURANCE BERHAD**

No. Pendaftaran 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat: WISMA MCIS, JALAN BARAT,  
46200 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

## **Merchantrade Insure Medic Pro (MI Medic Pro)** (Polisi Tanpa Penyertaan)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013  
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia

## **BAHAGIAN A: DEFINISI**

Dalam Polisi ini di mana selaras dengan kandungan tunggal merangkumi jamak dan sebaliknya dan perkataan yang menunjukkan jantina maskulin merangkumi jantina feminin, dan perkataan dan ungkapan yang berikut mempunyai maksud seperti disenaraikan di bawah melainkan jika konteksnya menunjukkan maksud yang lain.

### **1. KEMALANGAN**

Bermaksud kejadian secara tiba-tiba, tidak dijangka, dan tidak dirancang yang berlaku pada masa dan tempat yang boleh dikenalpasti yang, tanpa bergantung pada mana-mana punca lain, menjadi punca tunggal kecederaan tubuh badan.

### **2. UMUR**

Bermaksud umur Hayat yang Diinsuranskan pada tarikh hari jadi terakhir.

### **3. MANA-MANA SATU KETIDAKUPAYAAN**

Bermaksud semua tempoh-tempoh Ketidakupayaan yang timbul daripada punca yang sama termasuk sebarang dan semua komplikasinya kecuali jika Hayat yang Diinsuranskan pulih dengan sepenuhnya dan tidak lagi memerlukan rawatan lanjut (termasuk dadah, ubat, diet khas, suntikan, atau nasihat tentang keadaannya) untuk Ketidakupayaan itu selama sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari selepas tarikh terkini keluar dari hospital dan Ketidakupayaan berikutnya akibat daripada punca yang sama hendaklah dianggap sebagai Ketidakupayaan baharu.

### **4. ULANG TAHUN SIJIL**

Bermaksud hari yang sama dengan Tarikh Kuatkuasa Sijil setiap tahun semasa tempoh Sijil Jaminan.

### **5. TARIKH KUATKUASA SIJIL**

Bermaksud tarikh pengeluaran Sijil Jaminan dan permulaan perlindungan insurans berkenaan dengan mana-mana Hayat yang Diinsuranskan, seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Jaminan.

### **6. TARIKH LUPUT SIJIL**

Bermaksud tarikh seperti yang dinyatakan dalam Sijil Jaminan dan yang selepasnya Sijil Jaminan tidak lagi berkuatkuasa.

### **7. SIJIL JAMINAN**

Bermaksud sijil individu yang dikeluarkan untuk Hayat yang Diinsuranskan sebagai bukti perlindungan insurans di bawah Polisi ini.

### **8. PEMILIK SIJIL**

Bermaksud individu yang dinamakan dalam Sijil Jaminan yang memiliki Sijil Jaminan dan boleh melaksanakan semua hak, keistimewaan, dan pilihan yang tersedia di bawah Sijil Jaminan.

### **9. TAHUN SIJIL**

Bermaksud tempoh satu (1) tahun dari dan termasuk Tarikh Kuatkuasa Sijil, atau tempoh satu (1) tahun dari dan termasuk setiap Ulang Tahun Sijil.

### **10. SYARIKAT/KAMI**

Merujuk kepada MCIS Insurance Berhad, yang merupakan pengunderait Polisi ini.

### **11. KECACATAN/PENYAKIT KONGENITAL**

Bermaksud sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud sejak lahir, dan juga keabnormalan fizikal neo-natal yang muncul dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kelahiran. Ini termasuk semua jenis hernia dan epilepsi kecuali disebabkan oleh trauma yang berlaku selepas tarikh Hayat yang Diinsuranskan dilindungi secara berterusan di bawah Polisi ini.

### **12. PEMBEDAHAN JAGAAN HARIAN**

Bermaksud prosedur pembedahan atau invasif yang dijalankan di sebuah Hospital atau Pusat Pakar Jagaan Harian yang memerlukan penggunaan kemudahan pemulihan secara pra-pelan tetapi tanpa bermalam di Hospital atau Pusat Pakar Jagaan Harian.

### **13. DEDUKTIBEL**

Bermaksud jumlah tetap layak yang dinyatakan dalam Sijil Jaminan yang mesti Pemilik Sijil bayar terlebih dahulu sebelum mana-mana manfaat akan dibayar di bawah Polisi ini.

**14. KETIDAKUPAYAAN**

Bermaksud Sakit, Penyakit, Kesakitan, atau semua Kecederaan yang timbul daripada satu atau beberapa punca yang berterusan.

**15. DOKTOR/PAKAR PERUBATAN/PAKAR BEDAH/PENGAMAL AM**

Bermaksud pengamal perubatan yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat. Dia mesti didaftarkan di kawasan amalan dan mesti berlatih dalam skop pelesenan dan latihannya.

Doktor, Pakar Perubatan, Pakar Bedah, atau Pengamal Am yang merupakan Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini tidak akan dianggap sebagai Doktor, Pakar Perubatan, Pakar Bedah atau Pengamal Am untuk Polisi ini apabila membuat tuntutan.

**16. PERBELANJAAN LAYAK**

Bermaksud perbelanjaan yang Perlu Dari Segi Perubatan yang ditanggung untuk rawatan Ketidakupayaan yang dilindungi semasa tempoh jaminan untuk Sijil Jaminan tetapi tidak melebihi had-had dalam Jadual Manfaat.

**17. AHLI LAYAK**

Bermaksud pelanggan Pemilik Polisi yang layak untuk menyertai dalam pelan perlindungan di bawah Polisi ini.

**18. RAWATAN KECEMASAN**

Bermaksud rawatan yang mana rawatan perubatan segera untuk pemeliharaan nyawa atau anggota badan diperlukan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam yang timbul daripada Kemalangan yang tiba-tiba dan teruk, di mana kegagalannya akan mengancam nyawa atau membawa kemerosotan kesihatan yang serius. Kami mempunyai hak untuk menentukan jika keadaan tersebut diklasifikasikan sebagai kecemasan.

**19. PENGENDORSAN**

Bermaksud bukti bertulis tentang apa-apa pindaan, variasi, atau perubahan yang dibuat kepada Polisi ini dan Sijil Jaminan.

**20. TEMPOH TANGGUH**

Bermaksud tarikh di mana Premium perlu dibayar dan diterima secara sepenuhnya oleh Syarikat melalui Pemilik Polisi mengikut peruntukan Tempoh Tangguh dalam Bahagian B di Polisi ini.

**21. HOSPITAL**

Bermaksud institusi berdaftar yang ditubuhkan bagi tujuan memberi rawatan dan penjagaan kepada orang yang sakit atau cedera sebagai pesakit yang berbayar, yang mana:

- (a) Menyediakan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam oleh jururawat berdaftar dan bertauliah; dan
- (b) Mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan Pembedahan utama; dan
- (c) Berada di bawah penyeliaan seseorang Pakar Perubatan.

Hospital secara nyata BUKAN:

- (a) Terutamanya sebuah klinik; atau
- (b) Sebuah rumah penjagaan, rumah rehat, atau rumah pemulihan; atau
- (c) Sebuah pusat pemulihan penagih alcohol atau penagih dadah; atau
- (d) Sebuah rumah penjagaan warga emas atau orang kurang upaya.

**22. PENGINAPAN HOSPITAL**

Bermaksud penginapan sebagai pesakit dalam di sebuah Hospital bagi tempoh sekurang-kurangnya dua belas (12) jam berturut-turut, yang dianggap Perlu Dari Segi Perubatan atas saranan Pakar Perubatan, dan yang mana caj bilik dan penginapan harian dikenakan ke atasnya.

**23. PENGHOSPITALAN/DIMASUKKAN KE HOSPITAL**

Bermaksud dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan bagi Ketidakupayaan yang dilindungi atas saranan Pakar Perubatan. Pesakit tidak akan dianggap sebagai pesakit dalam jika pesakit tidak menginap secara fizikal di dalam Hospital untuk seluruh tempoh Penginapan Hospital.

Semua Penghospitalan/Dimasukkan ke Hospital yang dirujuk dalam Polisi ini bermaksud Penghospitalan/Dimasukkan ke Hospital untuk keadaan yang Perlu Dari Segi Perubatan.

**24. KECEDERAAN**

Bermaksud kecederaan kepada tubuh badan yang akibat daripada Kemalangan.

**25. UNIT RAWATAN RAPI**

Bermaksud satu bahagian di dalam Hospital yang ditetapkan oleh Hospital sebagai Unit Rawatan Rapi, dan yang beroperasi atas dasar dua puluh empat (24) jam hanya untuk rawatan pesakit yang berada dalam keadaan kritikal dan dilengkapi untuk menyediakan kejururawatan khas dan perkhidmatan perubatan yang tidak tersedia di tempat lain di Hospital.

**26. HAYAT YANG DIINSURANSKAN**

Bermaksud Ahli Layak yang berkenaan dengannya jaminan di bawah Polisi ini telah dikuatkuasakan seperti yang dinyatakan dalam Sijil Jaminan.

**27. HOSPITAL KERAJAAN MALAYSIA**

Bermaksud Hospital yang ditubuhkan, dikekalkan, dioperasi, atau disediakan oleh Kerajaan Malaysia tetapi mengecualikan Hospital Kerajaan Malaysia yang diswastakan atau dikorporatkan.

**28. PERLU DARI SEGI PERUBATAN**

Bermaksud khidmat perubatan yang:

- (a) Konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa bagi Ketidakupayaan yang dilindungi; dan
- (b) Mengikut standard amalan perubatan yang baik, konsisten dengan standard semasa rawatan perubatan profesional dan manfaat perubatan terbukti; dan
- (c) Bukan untuk kemudahan Hayat yang Diinsuranskan atau Pakar Perubatan, dan tidak dapat diperolehi secara munasabah di luar Hospital (jika dimasukkan ke wad sebagai pesakit dalam); dan
- (d) Bukan berbentuk eksperimen, penyelidikan atau kajian, pencegahan atau saringan, teknologi/prosedur perubatan yang belum terbukti berkesan berdasarkan amalan perubatan yang telah ditetapkan, atau yang belum diluluskan oleh badan yang diiktiraf di Malaysia; dan
- (e) Mana caj adil, berpatutan, dan lazim bagi Ketidakupayaan yang dilindungi; dan
- (f) Menyediakan rawatan yang berkaitan secara langsung dengan Ketidakupayaan yang dilindungi.

**29. PESAKIT LUAR**

Bermaksud Hayat yang Diinsuranskan menerima penjagaan atau rawatan perubatan tanpa Penghospitalkan dan termasuk rawatan di Pusat Pakar Jagaan Harian.

**30. POLISI**

Bermaksud perjanjian ini, Pengendorsan-pengendorsan, borang permohonan dan borang-borang lain yang ditandatangani oleh Pemilik Polisi, Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan, laporan perubatan, soal selidik tambahan, atau kenyataan yang mungkin berkenaan, akan membentuk keseluruhan Polisi antara Syarikat, Pemilik Polisi, Pemilik Sijil, dan Hayat yang Diinsuranskan.

**31. TARIKH KUATKUASA POLISI**

Bermaksud tarikh di mana jaminan di bawah Polisi ini dikuatkuasakan dan hendaklah tarikh seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.

**32. PEMILIK POLISI/ANDA**

Bermaksud seseorang individu atau sesuatu entiti, yang mana nama dan alamatnya dinyatakan dalam Jadual Polisi dan termasuk penggantinya dalam hakmilik dan serah hak, dan boleh melaksanakan semua hak, keistimewaan, dan pilihan yang tersedia di bawah Polisi ini.

Juga bermaksud seseorang atau sesuatu pertubuhan perbadanan yang kepadanya Polisi ini telah dikeluarkan berkenaan dengan perlindungan untuk individu-individu yang dikenalpasti secara khusus sebagai Hayat yang Diinsuranskan dalam Polisi ini.

**33. JADUAL POLISI**

Bermaksud lampiran, jadual, pindaan, atau bahan bertulis lain yang dilampirkan (ditambahkan) pada Polisi ini untuk pengubahsuaian.

**34. KEADAAN SEDIA ADA**

Bermaksud Ketidakupayaan Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan mempunyai pengetahuan wajar tentangnya sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil. Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan boleh dianggap mempunyai pengetahuan wajar tentang sesuatu keadaan sedia ada jika keadaan Hayat yang Diinsuranskan tersebut adalah keadaan yang mana:

- (a) Hayat yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan; atau
- (b) Nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan, atau rawatan telah disarankan; atau
- (c) Simptom yang jelas dan ketara dapat atau telah dilihat, atau
- (d) Kewujudannya dapat dilihat dengan jelas oleh orang yang munasabah di dalam keadaannya.

**35. PREMIUM**

Bermaksud jumlah premium seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi dan Sijil Jaminan, atau sebarang Pengendorsan(-pengendorsan) berikutnya yang memindanya.

**36. TARIKH PREMIUM PERLU DIBAYAR**

Bermaksud hari di mana Premium perlu dibayar.

**37. UBAT-UBATAN YANG DITETAPKAN**

Bermaksud ubat-ubatan yang ditetapkan oleh seseorang Pakar Perubatan atau ahli farmasi berdaftar untuk rawatan Ketidakupayaan yang dilindungi.

**38. HOSPITAL SWASTA**

Bermaksud Hospital yang bukan ditubuhkan, dikekalkan, dioperasi, atau disediakan oleh Kerajaan Malaysia tetapi termasuk Hospital Kerajaan Malaysia yang diswastakan atau dikorporatkan.

**39. CAJ YANG BERPATUTAN DAN LAZIM**

Bermaksud caj untuk rawatan perubatan yang Perlu Dari Segi Perubatan akan dianggap sebagai berpatutan dan lazim selagi ia tidak melebihi tahap caj umum yang dibuat oleh pihak lain seumpamanya di Malaysia mengikut Jadual ke-13 Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013 dan pindaan seterusnya jika ada.

Caj sedemikian apabila ditanggung, akan diberi pertimbangan kepada rawatan, perkhidmatan atau bekalan yang serupa atau setanding kepada individu yang sama jantina dan umur yang setanding untuk Sakit, Penyakit, atau Kecederaan yang serupa dan mengikut piawaian dan amalan perubatan yang diterima dan tidak mungkin ditinggalkan tanpa menjejaskan keadaan perubatan Hayat yang Diinsuranskan.

Semua caj yang dirujuk dalam Polisi ini bermaksud Caj yang Berpatutan dan Lazim.

**40. PEMBAHARUAN**

Bermaksud Sijil Jaminan telah diperbaharui tanpa sebarang luput masa dari penghujung Tahun Sijil sebelumnya.

**41. SAKIT, PENYAKIT, ATAU KESAKITAN**

Bermaksud keadaan fizikal yang ditunjukkan oleh sisihan patologi daripada keadaan kesihatan yang normal.

**42. PAKAR**

Bermaksud pengamal perubatan yang pakar dalam bidang perubatan tertentu dan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan sebagai pakar dalam bidang tersebut. Pakar hendaklah termasuk Pakar Perubatan atau Pakar Bedah.

Pakar yang merupakan Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini tidak akan dianggap sebagai Pakar untuk Polisi ini apabila membuat tuntutan.

**43. PENYAKIT TERTENTU**

Bermaksud Ketidakupayaan berikut atau sebarang komplikasi yang disebabkan oleh Ketidakupayaan yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama dari Tarikh Kuatkuasa Sijil:

- (a) Tekanan darah tinggi, kencing manis, dan penyakit kardiovaskular; atau
- (b) Sebarang pertumbuhan termasuk tumor, kanser, sista, nodul, atau polip; atau
- (c) Batu dari sistem kencing dan sistem biliari; atau
- (d) Sebarang Penyakit telinga, hidung (termasuk sinus), atau kerongkong; atau
- (e) Hernia, buasir, fistula, hidrosel, atau varikosele; atau
- (f) Sebarang Penyakit sistem pembiakan termasuk endometriosis; atau
- (g) Sebarang gangguan tulang belakang (termasuk cakera tergelincir) atau apa-apa keadaan lutut.

**44. PEMBEDAHAN**

Bermaksud mana-mana prosedur perubatan yang berikut:

- (a) Untuk memotong, mengeluarkan, atau elektrokauter mana-mana organ atau bahagian badan, kecuali bagi perkhidmatan pergigian; atau
- (b) Untuk membaiki, menyemak semula, atau membina semula mana-mana organ atau bahagian badan; atau
- (c) Untuk mengurangkan dengan memanipulasi keretakan atau kehelan; atau

(d) Penggunaan endoskopi untuk mengeluarkan batu atau objek dari larinks, bronkus, trakea, esofagus, perut, usus, pundi kencing, atau uretra.

**45. TEMPOH MENUNGGU**

Bermaksud tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Kuatkuasa Sijil.

## **BAHAGIAN B: PERUNTUKAN AM**

### **1. POLISI**

- 1.1. Polisi ini, termasuk sebarang Pengendorsan, borangan permohonan, borang-borang lain yang ditandatangani oleh Pemilik Polisi, Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan, laporan perubahan, soal selidik tambahan, atau kenyataan yang mungkin berkenaan akan hendaklah membentuk keseluruhan Polisi antara Syarikat, Pemilik Polisi, Pemilik Sijil dan Hayat yang Diinsuranskan.
- 1.2. Semua kenyataan dibuat oleh Pemilik Polisi, Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan hendaklah, jika tiada penipuan, disifatkan representasi dan bukan jaminan dan tiada kenyataan sedemikian boleh membatalkan Polisi ini dan/atau Sijil Jaminan atau digunakan untuk mempertahankan tuntutan di bawahnya, melainkan jika ia adalah secara bertulis.
- 1.3. Tiada ejen atau broker yang diberikan kuasa untuk membuat atau mengubahsuai Polisi ini dan/atau Sijil Jaminan, untuk melanjutkan masa untuk pembayaran Premium, untuk mengetepikan sebarang luput atau pelucuthakan, untuk mengetepikan mana-mana hak atau syarat Syarikat, atau untuk mengikat Syarikat dengan membuat apa-apa janji atau dengan menerima apa-apa representasi atau maklumat berkenaan dengan Polisi ini dan/atau Sijil Jaminan. Polisi ini dan/atau Sijil Jaminan tidak boleh diubah kecuali secara bertulis oleh kakitangan yang dilantik oleh pihak pengurusan Syarikat atau mana-mana orang yang dilantik oleh Lembaga Pengarah untuk tujuan khusus ini.
- 1.4. Dengan syarat Premium telah dibayar dan disahkan, jaminan di bawah Polisi ini dan/atau Sijil Jaminan tidak boleh dipertikaikan, kecuali bagi kes penipuan atau salah nyata yang sengaja oleh pihak Pemilik Polisi, Pemilik Sijil, atau Hayat yang Diinsuranskan.
- 1.5. Resit Premium adalah tidak sah kecuali resit rasmi Syarikat dikeluarkan memihak kepada Pemilik Sijil dan yang telah dihantar kepada Pemilik Sijil melalui pos, emel, atau apa-apa cara komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh Syarikat.
- 1.6. Polisi ini pada bila-bila masa boleh diubah atau ditukar dengan persetujuan bertulis antara Syarikat dan Pemilik Polisi. Sebarang pindaan pada Polisi ini hendaklah mengikat semua Hayat yang Diinsuranskan sama ada terjamin di bawah Polisi ini sebelum atau pada atau selepas tarikh kuatkuasa pindaan.
- 1.7. Polisi ini menyediakan Hayat yang Diinsuranskan perlindungan bagi kejadian diinsuranskan di Malaysia sahaja, dengan syarat Hayat yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital.

### **2. TEMPOH PERLINDUNGAN DAN PEMBAHARUAN**

- 2.1. Sijil Jaminan di bawah Polisi ini dikeluarkan untuk tempoh satu (1) tahun bermula dari Tarikh Kuatkuasa Sijil dan tamat pada Tarikh Luput Sijil seperti yang dinyatakan dalam Sijil Jaminan. Pemilik Sijil boleh memperbaharui Sijil Jaminan pada setiap ulang tahun pada kadar Premium semasa yang dikira berdasarkan umur Hayat yang Diinsuranskan semasa Pembaharuan.
- 2.2. Kadar premium adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menukar kadar premium. Sebarang perubahan dalam kadar premium akan dikenakan kepada semua Hayat yang Diinsuranskan yang membeli Polisi ini dan akan bermula dari tarikh Pembaharuan berikutnya. Kami akan memaklumkan kepada Pemilik Polisi dan Pemilik Sijil tentang perubahan premium dengan memberi notis awal tiga puluh (30) hari kepada Pemilik Polisi dan Pemilik Sijil.

### **3. TEMPOH TANGGUH**

- 3.1. Tempoh Tangguh selama tiga puluh (30) hari dari Tarikh Premium Perlu Dibayar akan dibenarkan bagi setiap pembayaran Premium berikutnya dan Sijil Jaminan akan kekal berkuatkuasa selama Tempoh Tangguh.
- 3.2. Sijil Jaminan akan tamat jika terdapat sebarang Premium yang tidak dibayar dalam Tempoh Tangguh dan Syarikat hendaklah dilepaskan daripada semua liabiliti berikutnya.

#### 4. TEMPOH BERTENANG

- 4.1. Sekiranya Pemilik Polisi atau Pemilik Sijil memutuskan untuk tidak meneruskan dengan Polisi ini atau Sijil Jaminan, masing-masing, Pemilik Polisi atau Pemilik Sijil boleh membatalkan Polisi ini atau Sijil Jaminan dalam tempoh lima belas (15) hari dari penerimaan Polisi ini atau Sijil Jaminan masing-masing dan Syarikat akan membayar balik Premium yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung kepada Pemilik Sijil tanpa faedah.
- 4.2. Selepas pembayaran, Polisi ini atau Sijil Jaminan, yang mana berkenaan, akan ditamatkan dan semua manfaat dan hak pada Polisi ini atau Sijil Jaminan akan terhenti dan tidak berkuatkuasa.

#### 5. SEKATAN DAN AKTIVITI-AKTIVITI HARAM/TIDAK SAH

- 5.1. Syarikat mungkin tertakluk kepada sekatan yang dikenakan oleh sekatan ekonomi dan perdagangan serta undang-undang yang dibuat sama ada oleh badan/negara antarabangsa atau Bank Negara Malaysia.
- 5.2. Oleh itu, Syarikat tidak akan memberi perlindungan kepada Hayat yang Diinsuranskan atau bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau memberi manfaat kepadanya sekiranya ia mendedahkan Syarikat dalam apa-apa cara kepada sebarang sekatan atau sebarang tindakan undang-undang dan peraturan lain yang berkenaan. Ini digunapakai kepada Pemilik Polisi, Pemilik Sijil, dan/atau mana-mana individu yang dikaitkan dengan Polisi ini dan sebarang Sijil Jaminan di bawahnya.
- 5.3. Selaras dengan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) dan Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan pindaannya yang berikutnya, jika ada, Syarikat berhak untuk menahan atau menamatkan urusan permohonan perniagaan/individu, polisi, atau transaksi termasuk bayaran tuntutan dan bayaran balik di bawah Polisi ini dan Sijil Jaminan sebagaimana dianggap sesuai dan wajar. Syarikat hendaklah menguruskan semua wang yang perlu dibayar berkaitan dengan Polisi ini dan Sijil Jaminan dengan menggunakan cara yang dianggap wajar, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau potensi kerugian yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang langkah yang diambil selaras dengan fasal ini.

#### 6. PEMBATALAN

- 6.1. Sijil Jaminan boleh dibatalkan oleh Pemilik Sijil pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Syarikat. Syarikat akan membayar balik kepada Pemilik Sijil peratusan Premium tanpa faedah dengan syarat tiada tuntutan dibuat atas Sijil Jaminan pada Tahun Sijil semasa. Jumlah Premium yang dibayar balik hendaklah berdasarkan tempoh Sijil Jaminan berkuatkuasa:

Tempoh dari Ulang Tahun Sijil, Tidak Melebihi	Bayaran Balik Premium (sebagai peratusan daripada Premium yang Telah Dibayar)	
	Kekerapan Pembayaran Tahunan	Kekerapan Pembayaran Bulanan
15 hari (Pembaharuan Sahaja)	90%	Tiada Bayaran Balik
1 bulan	80%	
2 bulan	70%	
3 bulan	60%	
4 bulan	50%	
5 bulan	40%	
6 bulan	30%	
7 bulan	25%	
8 bulan	20%	
9 bulan	15%	
10 bulan	10%	
11 bulan	5%	
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada Bayaran Balik	



6.2. Sijil Jaminan akan ditamatkan dan semua manfaat dan hak pada Sijil Jaminan akan terhenti dan tidak berkuatkuasa.

## **7. DATA DIPERLUKAN**

- 7.1. Pemilik Polisi hendaklah menyimpan rekod berkenaan dengan setiap Pemilik Sijil dan/atau Hayat yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini, yang menunjukkan maklumat Pemilik Sijil dan/atau Hayat yang Diinsuranskan dan maklumat lain yang berkaitan yang mungkin diperlukan untuk melaksanakan terma Polisi ini.
- 7.2. Pemilik Polisi hendaklah mendapatkan persetujuan nyata daripada Pemilik Sijil dan/atau Hayat yang Diinsuranskan bahawa data peribadi mereka seperti yang dinyatakan di atas akan dikongsikan dengan Syarikat dan hendaklah mendokumenkan perkara yang sama untuk tujuan rekod dan audit dan untuk tujuan pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan pindaan yang berikutnya, jika ada.
- 7.3. Pemilik Polisi hendaklah memberikan kepada Syarikat rekod lengkap yang mengandungi semua butiran pada masa pendaftaran.
- 7.4. Setelah atau berkenaan dengan kejadian sebarang peristiwa yang mempengaruhi atau yang berkaitan dengan jaminan mana-mana Hayat yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini, Pemilik Polisi perlu menasihati tentang semua dokumen yang diperlukan oleh Syarikat untuk pemprosesan tuntutan dan kemudian bertindak sebagai penghubung antara Pemilik Sijil dan/atau Hayat yang Diinsuranskan dan Syarikat untuk sebarang pertanyaan lanjut.
- 7.5. Syarikat akan dibenarkan untuk memeriksa rekod Pemilik Polisi pada setiap masa yang munasabah, setakat yang berkaitan dengan hal perkara Polisi ini.

## **8. PREMIUM**

- 8.1. Premium yang perlu dibayar untuk Hayat yang Diinsuranskan bagi semua umur dan jantina adalah sama.
- 8.2. Premium adalah tidak terjamin dan Kami berhak untuk menyemak semula Premium dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari. Sebarang perubahan dalam Premium akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Sijil berikutnya.

## **9. PENYERAHAN HAK**

- 9.1. Jaminan yang disediakan dalam Polisi ini dan manfaat yang perlu dibayar di bawah jaminan tersebut tidak boleh ditukar hakmilik.

## **10. BUKTI UMUR**

- 10.1. Bukti dokumen mengenai Umur yang memuaskan kepada Syarikat adalah dikehendaki sebelum mana-mana manfaat di bawah Polisi ini dan Sijil Jaminan dibayarkan. Untuk mengelakkan keraguan, bukti dokumen mengenai Umur termasuk tetapi tidak terhad kepada salinan Kad Pengenalan Pendaftaran Kebangsaan, pasport, sijil kelahiran Hayat yang Diinsuranskan yang disahkan dengan sewajarnya, atau apa-apa bukti lain yang berkaitan.

## **11. SALAH NYATA UMUR**

- 11.1. Sijil Jaminan dikeluarkan pada Umur yang dinyatakan dalam Sijil Jaminan yang merupakan umur Hayat yang Diinsuranskan pada hari jadi terakhir. Jika Umur disalahnyatakan dan Hayat yang Diinsuranskan tidak layak untuk insurans pada Umur yang betul, Syarikat akan membayar balik Premium yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan yang mungkin ditanggung kepada Pemilik Sijil tanpa faedah. Bukti Umur Hayat yang Diinsuranskan diperlukan sebelum pembayaran sebarang manfaat di bawah Sijil Jaminan.
- 11.2. Sekiranya berlaku salah nyata Umur, Tarikh Luput Sijil hendaklah diselaraskan dengan sewajarnya berdasarkan Umur yang betul.

## **12. MATA WANG**

12.1. Semua mata wang yang disebut dalam Polisi ini dan Sijil Jaminan merujuk kepada Ringgit Malaysia (RM) kecuali dinyatakan sebaliknya.

## **13. UNDANG-UNDANG TERPAKAI**

13.1. Polisi ini dan Sijil Jaminan dan segala hak, kewajipan, dan liabiliti yang timbul di bawahnya, akan dikawal dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

## **14. CUKAI**

14.1. Syarikat akan mengenakan caj kepada Pemilik Polisi atau Pemilik Sijil, yang mana berkenaan, sebarang cukai terpakai pada kadar semasa seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa, atas yuran pemrosesan, yuran polisi, yuran perkhidmatan, Premium, caj insurans atau atas bekalan atau perkhidmatan yang diberikan di bawah Polisi ini. Jika perlu, Syarikat akan meminda terma Polisi ini untuk mengambil kira sebarang cukai tersebut.

## **15. PERTIKAIAN**

15.1. Sekiranya berlaku pertikaian tuntutan yang timbul daripada Polisi ini dan/atau Sijil Jaminan yang Pemilik Polisi dan/atau Pemilik Sijil dan/atau Hayat yang Diinsuranskan mungkin rasa tidak diselesaikan secara adil atau memuaskan, Pemilik Polisi dan/atau Pemilik Sijil dan/atau Hayat yang Diinsuranskan boleh merujuk kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan.

15.2. Jika Ombudsman Perkhidmatan Kewangan tidak layak menangani pertikaian tuntutan, Syarikat boleh menulis untuk melantik penimbang tara, yang mana yuran perkhidmatan penimbang tara akan dibayar oleh Pemilik Polisi dan/atau Pemilik Sijil dan/atau Hayat yang Diinsuranskan. Jika Pemilik Polisi dan/atau Pemilik Sijil dan/atau Hayat yang Diinsuranskan tidak bersetuju dengan pelantikan penimbang tara Syarikat, Pemilik Polisi dan/atau Pemilik Sijil dan/atau Hayat yang Diinsuranskan boleh melantik penimbang tara sendiri dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Syarikat melantik penimbang tara.

15.3. Kedua-dua penimbang tara hendaklah melantik seorang wasit yang akan mendengar pertikaian tuntutan.

15.4. Rujukan sebarang pertikaian tuntutan kepada penimbang tara mesti dilakukan dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh Syarikat menolak atau mengubah tuntutan tersebut.

## **16. DUTI SETEM**

16.1. Duti setem sebanyak sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) akan Kami tanggungkan.

## **17. TANPA PENYERTAAN**

17.1. Polisi ini dan Sijil Jaminan tidak menyertai dalam keuntungan perniagaan insurans hayat Syarikat.

## **18. TUNTUTAN**

### **18.1. Prosedur Tuntutan**

18.1.1. Pemilik Sijil atau pelaksana yang sah hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Ketidakupayaan yang menanggung perbelanjaan yang boleh ditanggung, memberi notis bertulis kepada Syarikat yang memberi butiran penuh kejadian tersebut, termasuk semua bil-bil dan resit asal, surat rujukan (jika berkenaan), dan laporan penuh Pakar Perubatan yang menetapkan diagnosis keadaan yang dirawat dan tarikh Ketidakupayaan tersebut bermula pada pendapat Pakar Perubatan dan ringkasan Pakar Perubatan tentang kos rawatan termasuk Ubat-ubatan yang Ditetapkan dan perkhidmatan yang diberikan. Kegagalan memberi notis dalam masa yang dibenarkan tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika dapat dibuktikan tidak mungkin

munasabah untuk memberikan notis tersebut dan notis itu telah diberikan secepat yang mungkin.

- 18.1.2. Dokumen berikutnya hendaklah disediakan oleh Pemilik Sijil kepada Syarikat melalui cawangan atau wakil Pemilik Polisi:
- (a) Salinan Diakui Sah Kad Pengenalan Pemilik Sijil.
  - (b) Borang Tuntutan yang lengkap.
  - (c) Sebarang dokumen lain yang diperlukan oleh Syarikat.
- 18.1.3. Hayat yang Diinsuranskan hendaklah mendapatkan dan bertindak mengikut nasihat perubatan yang sewajarnya secara segera dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab sekiranya rawatan atau perkhidmatan menjadi perlu akibat kegagalan Hayat yang Diinsuranskan berbuat demikian.
- 18.1.4. Sebelum pembayaran apa-apa manfaat, Syarikat berhak untuk menggunakan pembayaran manfaat di bawah Sijil Jaminan untuk membayar balik semua jumlah tertunggak kepada Syarikat termasuk premium yang belum dibayar untuk keseluruhan Tahun Sijil, jika berkenaan.
- 18.1.5. Semua tuntutan di bawah Polisi ini akan diselesaikan secara langsung oleh Syarikat dengan Pemilik Sijil atau pelaksana yang sah yang mana berkenaan, apabila tuntutan dibuktikan sehingga memuaskan hati Syarikat dan jumlah pampasan telah dipastikan dan dipersetujui.

## **18.2. Bukti Tuntutan**

- 18.2.1. Pemilik Sijil hendaklah menjalankan apa yang berkaitan untuk memberikan kepada Syarikat bil terperinci dan resit asal berkenaan dengan perbelanjaan perubatan dan yuran yang ditanggung.
- 18.2.2. Semua sijil, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah disediakan atas perbelanjaan Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan dan hendaklah dalam bentuk dan jenis yang ditetapkan oleh Syarikat.
- 18.2.3. Syarikat berhak untuk mendapatkan pemeriksaan Kecederaan atau Ketidakupayaan Hayat yang Diinsuranskan oleh Pakar Perubatan yang Kami lantikan, apabila dan sekerap mana yang diperlukan secara munasabah semasa penangguhan tuntutan di bawah Sijil Jaminan Hayat yang Diinsuranskan. Jika Hayat yang Diinsuranskan menetap di negara di luar Malaysia, Syarikat boleh di atas budi bicaranya menghendaki Hayat yang Diinsuranskan datang ke Malaysia untuk pemeriksaan perubatan oleh Pakar Perubatan di Malaysia.
- 18.2.4. Sebarang laporan perubatan yang diminta oleh Syarikat atau diserahkan kepada Syarikat, diagnosis laporan perubatan tersebut mesti disediakan oleh Hospital atau klinik yang berdaftar di Malaysia.

## **18.3. Tuntutan Tidak Lengkap**

- 18.3.1. Semua tuntutan mesti diserahkan kepada Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas peristiwa yang mana tuntutan tersebut dibuat. Tuntutan tidak akan dianggap lengkap dan manfaat yang layak tidak akan dibayar melainkan jika semua bil-bil dan resit asal untuk tuntutan tersebut telah diserahkan dan dipersetujui oleh Syarikat. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik. Sebarang perbezaan atau penepian bagi perkara tersebut adalah mengikut budi bicara mutlak Syarikat.

## **19. LIPUTAN GEOGRAFI**

- 19.1. Polisi ini dan Sijil Jaminan menyediakan Hayat yang Diinsuranskan perlindungan insurans dalam Malaysia sahaja.
- 19.2. Kami tidak akan membayar balik caj yang ditanggung bagi rawatan di luar negara jika Hayat yang Diinsuranskan telah melancong atau menetap di luar Malaysia.

## **20. PENGUBAHAN**

- 20.1. Kami mempunyai hak untuk meminda terma dan peruntukan Polisi ini dan/atau Sijil Jaminan. Perubahan tersebut akan berkuatkuasa dari tarikh Pembaharuan berikutnya.

20.2. Kami akan menulis kepada Pemilik Polisi dan Pemilik Sijil untuk memberitahu sebarang perubahan kepada terma dan syarat tiga puluh (30) hari sebelum tarikh Pembaharuan. Tiada pindaan ke atas Polisi ini adalah sah melainkan diberi kuasa oleh Syarikat dan kebenaran tersebut diendorskan.

## **21. SALAH NYATA/PENIPUAN**

21.1. Jika cadangan atau perakuan dibuat oleh Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan didapati tidak benar dalam sebarang bentuk atau jika fakta material yang mempengaruhi risiko tidak dinyatakan dengan betul atau ditinggalkan, atau jika jaminan atau pembaharuan telah diperolehi melalui sebarang salah nyata, salah perwakilan, atau penahanan, atau jika sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok tambah, atau jika sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokongnya, dengan itu dalam mana-mana kes tersebut, Sijil Jaminan akan menjadi tidak sah.

## **22. PROSIDING UNDANG-UNDANG**

22.1. Tindakan undang-undang atau dalam ekuiti tidak akan diambil untuk mendapatkan semula Polisi ini dan Sijil Jaminan sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian bertulis telah diberikan mengikut keperluan Polisi ini dan Sijil Jaminan.

22.2. Jika Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan gagal memberikan bukti kerugian yang diperlukan seperti yang ditetapkan oleh terma, peruntukan dan syarat Polisi ini dan Sijil Jaminan, Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan boleh, dalam tempoh tangguh satu (1) tahun kalendar dari masa bukti kerugian bertulis itu perlu diberikan, menyerahkan bukti kerugian yang berkaitan kepada Syarikat dengan alasan(-alasan) yang kukuh bagi kegagalan untuk mematuhi terma, peruntukan dan syarat Polisi ini dan Sijil Jaminan. Penerimaan bukti kerugian tersebut adalah mengikut budi bicara tunggal dan keseluruhan Syarikat. Selepas tempoh tangguh tamat, Syarikat tidak akan menerima, atas apa jua sebab sekalipun, bukti bertulis tentang kerugian.

## **23. NILAI TUNAI**

23.1. Sijil Jaminan tidak mempunyai sebarang nilai tunai.

## **24. TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN**

24.1. Sijil Jaminan tidak boleh dipertikaikan selepas ia berkuatkuasa semasa sepanjang hayat Hayat yang Diinsuranskan untuk tempoh lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Kuatkuasa Sijil kecuali untuk:

- (a) Tiada bayaran Premium; atau
- (b) Penindasan, peninggalan, atau salah nyata kenyataan mengenai perkara material yang dibuat oleh Hayat yang Diinsuranskan; atau
- (c) Kenyataan penipuan yang dibuat oleh Hayat yang Diinsuranskan.

Bagi tujuan fasal ini, "perkara material" bermaksud perkara atau fakta yang, jika diketahui oleh Syarikat, tidak akan mengakibatkan pengeluaran Sijil Jaminan kepada Hayat yang Diinsuranskan, atau akan mengakibatkan terma yang dikenakan kurang memihak kepada Hayat yang Diinsuranskan daripada yang dikenakan dalam Sijil Jaminan.

24.2. Sekiranya Sijil Jaminan dibatalkan atau tidak sah atas sebarang sebab, liabiliti Syarikat adalah terhad kepada Premium yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan yang ditanggung ke atas Sijil Jaminan tanpa faedah, dan Sijil Jaminan akan ditamatkan selepas itu.

## **25. PERTIKAIAN ATAU KEKABURAN YANG TIMBUL DARIPADA TERJEMAHAN**

25.1. Sekiranya terdapat konflik tafsiran antara Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia atau kekaburan yang timbul daripada terjemahan kepada Bahasa Malaysia, teks Inggeris dan tafsirannya akan diutamakan.

## **26. SYARAT PENARIKAN BALIK PORTFOLIO**

- 26.1. Syarikat berhak tidak meneruskan pengunderaitan produk insurans ini. Dengan membuat sedemikian, Kami akan berhenti menerima Polisi dan Sijil Jaminan baharu dan tidak akan menawarkan pembaharuan Polisi ini dan Sijil Jaminan setelah tamat tempoh.
- 26.2. Syarikat akan menulis untuk memaklumkan Pemilik Polisi dan Pemilik Sijil tentang niat Kami dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dan Syarikat akan meneruskan semua Sijil Jaminan sehingga Ulang Tahun Sijil dalam portfolio.

## **27. PERUBAHAN RISIKO**

- 27.1. Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan mempunyai kewajiban untuk memberitahu Syarikat dengan segera pada bila-bila masa semasa Sijil Jaminan berkuatkuasa, sebarang maklumat yang diberikan dalam borang permohonan atau yang setara dengannya atau apabila Pemilik Sijil memohon untuk Sijil Jaminan adalah tidak tepat atau telah berubah. Ini termasuk sebarang perubahan dalam pekerjaan, hobi, atau aktiviti sukan Hayat yang Diinsuranskan yang mungkin meningkatkan risiko.
- 27.2. Syarikat berhak mengubah terma dan peruntukan termasuk Premium Sijil Jaminan jika dibenarkan oleh perubahan pekerjaan atau aktiviti sukan.

## **28. PRASARAT LIABILITI**

- 28.1. Pematuhan dan pelaksanaan terma, peruntukan, dan syarat Polisi ini dan/atau Sijil Jaminan oleh Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan, dan selagi ia berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pemilik Sijil atau Hayat yang Diinsuranskan dan kebenaran kenyataan dan jawapan dalam borang permohonan bagi jaminan berkenaan dengan mana-mana individu atau berkenaan dengan mana-mana tuntutan hendaklah menjadi prasyarat terhadap sebarang liabiliti Syarikat.

## **29. PEMBERITAHUAN**

- 29.1. Syarikat tidak akan terjejas oleh notis tentang apa-apa fakta yang berkaitan dengan Polisi ini atau Sijil Jaminan melainkan dan sehingga notis secara bertulis mengenai fakta tersebut diterima oleh Syarikat dan tiada perubahan dalam terma Polisi ini atau Sijil Jaminan akan mengikat Syarikat melainkan jika dinyatakan secara bertulis dan ditandatangani oleh pegawai yang Syarikat memberikan kuasa untuk tujuan tersebut.

## **30. SUBROGASI**

- 30.1. Jika Syarikat perlu bertanggungjawab untuk apa-apa bayaran di bawah Polisi ini dan Sijil Jaminan, Syarikat akan disubrogasikan setakat pembayaran tersebut kepada semua hak dan remedi Hayat yang Diinsuranskan atau Pemilik Sijil terhadap mana-mana pihak dan layak atas perbelanjaan Kami untuk mengambil tindakan guaman dalam nama Hayat yang Diinsuranskan atau Pemilik Sijil. Hayat yang Diinsuranskan atau Pemilik Sijil hendaklah memberi atau menyebabkan pemberian kepada Syarikat semua bantuan dalam kuasanya seperti yang diperlukan oleh Syarikat untuk mendapatkan hak dan remedi dan atas permintaan Syarikat hendaklah melaksanakan atau menyebabkan pelaksanaan semua dokumen yang diperlukan untuk membolehkan Syarikat mengambil tindakan guaman dengan berkesan dalam nama Hayat yang Diinsuranskan atau Pemilik Sijil.

## **31. PENYELARASAN MANFAAT**

- 31.1. Kami berhak mengurangkan jumlah manfaat layak yang dibayar balik kepada Pemilik Sijil jika Pemilik Sijil telah dibayar balik untuk perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk kejadian tersebut daripada sumber lain. Jumlah tuntutan yang dibayar balik tidak boleh melebihi perbelanjaan yang sebenarnya ditanggung untuk kejadian yang sama.

## **32. PEMILIKAN POLISI**

32.1. Melainkan sebaliknya diperuntukkan dengan jelas melalui Pengendorsan dalam Polisi ini dan/atau Sijil Jaminan, Syarikat berhak untuk menganggap Pemilik Polisi sebagai pemilik mutlak Polisi ini dan Pemilik Sijil sebagai pemilik mutlak Sijil Jaminan. Syarikat tidak akan terikat untuk mengiktiraf sebarang tuntutan yang saksama atau tuntutan lain atau kepentingan dalam Polisi ini, dan penerimaan Polisi ini atau manfaat oleh Pemilik Sijil (atau oleh wakil sahnyanya atau wakilnya yang diberi kuasa) sahaja hendaklah merupakan pelepasan efektif bagi semua obligasi dan liabiliti Syarikat. Pemilik Sijil hendaklah dianggap sebagai prinsipal atau ejen yang bertanggungjawab bagi Hayat yang Diinsuranskan yang dilindungi di bawah Polisi ini dan Sijil Jaminan, masing-masing.

## **33. TEMPOH MENUNGGU**

33.1. Kami tidak akan membayar balik Pemilik Sijil bagi sebarang caj yang ditanggung oleh Hayat yang Diinsuranskan jika permulaan Ketidakupayan berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Kuatkuasa Sijil, melainkan jika Penghospitalan adalah akibat Kemalangan.

## **34. PENGEMBALIAN SEMULA**

34.1. Tiada pengembalian semula dibenarkan untuk Sijil Jaminan yang luput, ditamatkan atau menjadi tidak sah menurut peruntukan Polisi ini. Hayat yang Diinsuranskan yang jaminannya luput, ditamatkan atau menjadi terbatal menurut peruntukan Polisi ini atas sebarang sebab dan yang memohon semula untuk jaminan hendaklah dianggap sebagai pemohon baharu di bawah Polisi ini.

## **BAHAGIAN C: MANFAAT**

Kami akan membayar balik Perbelanjaan Layak untuk manfaat berikut jika Hayat yang Diinsuranskan telah Dimasukkan ke Hospital atau mendapatkan rawatan Pesakit Luar akibat Ketidakupayaan.

### **1. HAD-HAD**

#### **1.1. Had Tahunan (Hospital Kerajaan Malaysia)**

- 1.1.1. Manfaat yang perlu dibayar berkenaan dengan perbelanjaan yang ditanggung untuk rawatan yang disediakan kepada Hayat yang Diinsuranskan dalam mana-mana Hospital Kerajaan Malaysia semasa tempoh jaminan akan terhad kepada Had Tahunan (Hospital Kerajaan Malaysia) seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat tanpa mengambil kira jenis(-jenis) Ketidakupayaan.
- 1.1.2. Sekiranya Had Tahunan (Hospital Kerajaan Malaysia) telah habis untuk Tahun Sijil, semua jaminan bagi Hayat yang Diinsuranskan tersebut akan secara serta-merta henti dibayar untuk Tahun Sijil yang tinggal tersebut.

#### **1.2. Had Tahunan (Hospital Swasta)**

- 1.2.1. Manfaat yang perlu dibayar berkenaan dengan perbelanjaan yang ditanggung untuk rawatan yang disediakan kepada Hayat yang Diinsuranskan dalam mana-mana Hospital Swasta dalam Malaysia semasa tempoh jaminan akan terhad kepada Had Tahunan (Hospital Swasta) seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat tanpa mengambil kira jenis(-jenis) Ketidakupayaan.
- 1.2.2. Sekiranya Had Tahunan (Hospital Swasta) telah habis untuk Tahun Sijil, semua jaminan bagi Hayat yang Diinsuranskan tersebut akan secara serta-merta henti dibayar untuk Tahun Sijil yang tinggal tersebut.
- 1.2.3. Jumlah manfaat yang perlu dibayar di bawah Had Tahunan (Hospital Swasta) akan mengurangkan Had Tahunan (Hospital Kerajaan Malaysia) dengan sewajarnya.

#### **1.3. Deduktibel**

- 1.3.1. Jumlah Deduktibel seperti yang ditetapkan dalam Sijil Jaminan adalah jumlah yang mana Pemilik Sijil bertanggungjawab untuk membayar setiap Tahun Sijil sebelum jumlah Perbelanjaan Layak ditanggung untuk mana-mana manfaat dari Perkara 1 hingga 11 dalam Jadual Manfaat selain daripada manfaat akibat Rawatan Kecemasan yang didapati di Hospital Swasta perlu dibayar di bawah Sijil Jaminan, tertakluk kepada Had Tahunan (Hospital Swasta).
- 1.3.2. Deduktible tidak terpakai kepada Perkara 12 dan 13 seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat dan juga bagi manfaat akibat Rawatan Kecemasan.
- 1.3.3. Sebarang rawatan yang didapati dalam sebuah Hospital Kerajaan Malaysia tidak tertakluk kepada Deduktibel.

### **2. MANFAAT HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN**

#### **2.1. Bilik dan Penginapan Hospital**

- 2.1.1. Caj harian sebenar oleh Hospital untuk penggunaan bilik dan makanan selama penginapan Hayat yang Diinsuranskan dalam Hospital sehingga caj harian maksimum bagi manfaat tersebut seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.
- 2.1.2. Bilangan hari maksimum Kami akan membayar balik untuk manfaat ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

#### **2.2. Unit Rawatan Rapi**

- 2.2.1. Caj harian sebenar oleh Hospital untuk penginapan Hayat yang Diinsuranskan dalam Unit Rawatan Rapi sehingga caj harian maksimum bagi manfaat tersebut seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.
- 2.2.2. Bilangan hari maksimum Kami akan membayar balik untuk manfaat ini adalah seperti yang ditetapkan dalam

Jadual Manfaat. Di mana tempoh penginapan dalam Unit Rawatan Rapi melebihi tempoh maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, bayaran balik akan terhad kepada caj harian standard bagi Bilik dan Penginapan Hospital.

- 2.2.3. Kami tidak akan membayar balik bagi sebarang caj Bilik dan Penginapan Hospital bagi hari-hari yang Hayat yang Diinsuranskan menginap dalam Unit Rawatan Rapi.

### **2.3. Bekalan dan Perkhidmatan Hospital**

- 2.3.1. Bayaran balik Caj yang Berpatutan dan Lazim yang sebenarnya ditanggung untuk jagaan am, ubat-ubatan yang dipreskripsi dan dimakan, pembalut luka, anduh, acuan plaster, sinar-X, pemeriksaan makmal, elektrokardiogram, fisioterapi, ujian metabolisme basal, penyewaan peralatan, suntikan dan larutan intravena, pemberian darah dan plasma darah yang Perlu Dari Segi Perubatan tetapi tidak termasuk kos darah dan plasma semasa Hayat yang Diinsuranskan menginap sebagai pesakit dalam di Hospital dan implan kecuali perentak jantung, sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

### **2.4. Yuran Pembedahan (tidak termasuk Pemindahan Organ)**

- 2.4.1. Caj yang Berpatutan dan Lazim untuk Pembedahan yang dilakukan ke atas Hayat yang Diinsuranskan di Hospital dan hendaklah termasuk caj-caj untuk penilaian pra-pembedahan, lawatan di dalam Hospital oleh Pakar Bedah atau Pakar sehingga jumlah maksimum untuk manfaat ini seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.
- 2.4.2. Jika lebih daripada satu (1) Pembedahan dijalankan untuk Mana-mana Satu Ketidakupayaan, jumlah bayaran untuk semua Pembedahan yang dijalankan tidak boleh melebihi jumlah maksimum untuk manfaat ini seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

### **2.5. Yuran Dewan Pembedahan**

- 2.5.1. Caj yang Berpatutan dan Lazim untuk penggunaan dewan pembedahan atau bilik pembedahan yang berkaitan dengan prosedur pembedahan sehingga jumlah maksimum untuk manfaat ini seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

### **2.6. Yuran Pakar Buis**

- 2.6.1. Caj yang Berpatutan dan Lazim untuk pemberian anestesia kepada Hayat yang Diinsuranskan oleh seorang pakar buis sehingga jumlah maksimum untuk manfaat ini seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

### **2.7. Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (untuk Penghospitalkan tanpa pembedahan)**

- 2.7.1. Caj yang Berpatutan dan Lazim untuk lawatan wad oleh Pakar Perubatan yang merawat semasa Hayat yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital sebagai pesakit tanpa pembedahan di Hospital.
- 2.7.2. Bilangan hari maksimum bagi lawatan-lawatan tersebut untuk manfaat ini seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
- 2.7.3. Bayaran tidak akan dibuat untuk rawatan klinikal (termasuk ubat-ubatan dan perundingan berikutnya selepas Penyakit didiagnosis) atau di mana Hayat yang Diinsuranskan tidak mengakibatkan Penginapan Hospital bagi rawatan keadaan perubatan yang telah didiagnosis.

### **2.8. Pembedahan Jagaan Harian**

- 2.8.1. Prosedur pembedahan yang dilakukan di Hospital atau Pusat Pakar Jagaan Harian yang memerlukan penggunaan kemudahan pemulihan, tetapi tanpa bermalam di Hospital atau Pusat Pakar Jagaan Harian.
- 2.8.2. Prosedur perubatan termasuk Endoskopi (semua jenis), Pielografi Intravena (IVP/IVU), kajian Barium dan kajian Angiografik dan prosedur diagnostik lain yang dianggap Perlu Dari Segi Perubatan dan dirujuk dengan sewajarnya oleh seorang Pakar Perubatan.
- 2.8.3. Manfaat ini tidak akan melindungi prosedur perubatan terutamanya untuk tujuan penyiasatan seperti diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan am fizikal atau perubatan yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Ketidakupayaan yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan



dirujuk dengan sewajarnya oleh seorang Pakar Perubatan, mana-mana rawatan, ubat pencegahan, atau pemeriksaan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.

2.8.4. Jumlah maksimum untuk manfaat ini dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

## **2.9. Yuran Ambulans**

2.9.1. Caj yang Berpatutan dan Lazim (termasuk yuran attendan) untuk penggunaan perkhidmatan ambulans darat oleh Hayat yang Diinsuranskan ke dan/atau dari Hospital.

2.9.2. Kami tidak akan membayar balik yuran ini jika Hayat yang Diinsuranskan tidak Dimasukkan ke Hospital.

2.9.3. Jumlah maksimum untuk manfaat ini dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

## **2.10. Cukai Berkenaan**

2.10.1. Caj yang Berpatutan dan Lazim yang dikenakan bagi cukai berkenaan yang ditanggung atas bekalan dan perkhidmatan bercukai.

2.10.2. Jumlah maksimum yang perlu dibayar bagi manfaat ini dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Jumlah yang perlu dibayar untuk manfaat ini akan termasuk dalam Had Tahunan (Hospital Kerajaan Malaysia) atau Had Tahunan (Hospital Swasta), di mana berkenaan.

2.10.3. Jumlah maksimum untuk manfaat ini dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

## **2.11. Yuran Kemasukkan ke Hospital dan Yuran Laporan Perubatan**

2.11.1. Caj yang Berpatutan dan Lazim yang ditanggung untuk laporan perubatan Hayat yang Diinsuranskan berkenaan dengan Ketidakupayaan.

2.11.2. Jumlah maksimum untuk manfaat ini dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

# **3. MANFAAT RAWATAN PESAKIT LUAR**

## **3.1. Rawatan Kanser Pesakit Luar**

3.1.1. Caj yang Berpatutan dan Lazim yang ditanggung untuk radioterapi atau kemoterapi (kecuali perundingan, ujian pemeriksaan, dan ubat-ubatan yang dibawa pulang) untuk rawatan Kanser kepada Hayat yang Diinsuranskan sebagai Pesakit Luar di sebuah pusat rawatan kanser yang berdaftar secara sah atau sebuah Hospital.

3.1.2. Jumlah maksimum Kami akan membayar balik untuk manfaat ini ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

3.1.3. Kanser ditakrifkan sebagai pertumbuhan dan penyebaran sel malignan yang tidak terkawal dan serangan dan pemusnahan tisu normal di mana rawatan atau Pembedahan intervensi major (tidak termasuk prosedur endoskopik sahaja) dianggap perlu. Kanser tersebut mesti disahkan oleh bukti histologi kemaglinanan. Keadaan berikut adalah dikecualikan:

- (a) Karsinoma in situ termasuk serviks; dan
- (b) Karsinoma duktal in situ payu dara; dan
- (c) Karsinoma papilari pundi kencing & kanser prostat tahap 1; dan
- (d) Semua kanser kulit kecuali melanoma malignan; dan
- (e) Penyakit Hodgkin tahap 1; dan
- (f) Tumor yang nyata akibat komplikasi AIDS.

3.1.4. Ia merupakan syarat khusus manfaat ini bahawa tidak mengetepikan pengecualian Keadaan Sedia Ada, manfaat ini tidak akan dibayar untuk mana-mana Hayat yang Diinsuranskan yang telah didiagnosis sebagai pesakit Kanser dan/atau telah menerima rawatan Kanser sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil.

## **3.2. Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar**

3.2.1. Caj yang Berpatutan dan Lazim yang ditanggung untuk dialisis buah pinggang (kecuali perundingan, ujian

pemeriksaan, dan ubat-ubatan yang dibawa pulang) kepada Hayat yang Diinsuranskan sebagai Pesakit Luar di sebuah pusat dialisis yang berdaftar secara sah atau sebuah Hospital.

- 3.2.2. Jumlah maksimum Kami akan membayar balik untuk manfaat ini ditetapkan dalam Jadual Manfaat.
- 3.2.3. Kegagalan Buah Pinggang bermaksud kegagalan renal tahap akhir yang mempersembahkan sebagai kegagalan kronik, tidak dapat dipulihkan kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi dan sebagai akibatnya dialisis buah pinggang dimulakan.
- 3.2.4. Ia merupakan syarat khusus manfaat ini bahawa tidak mengetepikan pengecualian Keadaan Sedia Ada, manfaat ini tidak akan dibayar untuk mana-mana Hayat yang Diinsuranskan yang telah menghidap penyakit buah pinggang kronik dan/atau telah menerima rawatan dialisis sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil.

## **BAHAGIAN D: PENAMATAN**

### **1. PENAMATAN POLISI**

- 1.1. Polisi ini boleh ditamatkan sama ada oleh Pemilik Polisi atau Syarikat dengan memberikan notis penamatan tiga puluh (30) hari kepada pihak lain sebelum tarikh penamatan tersebut berkuatkuasa.
- 1.2. Polisi ini akan menamatkan secara automatik apabila Syarikat menarik balik Polisi ini dan Sijil Jaminan sepenuhnya daripada pasaran mengikut Syarat Penarikan Balik Portfolio seperti yang dinyatakan dalam Bahagian B Polisi ini.
- 1.3. Polisi ini akan ditamatkan secara automatik apabila Polisi ini menjadi tidak sah, luput, atau ditamatkan menurut mana-mana peruntukan Polisi ini.
- 1.4. Syarikat akan dilepaskan daripada semua liabiliti di bawah Polisi ini mengikut tarikh kuatkuasa penamatan Polisi ini.
- 1.5. Jika atas apa-apa sebab Premium diterima oleh Syarikat selepas Polisi ini ditamatkan seperti yang dinyatakan di atas, Premium yang diterima oleh Syarikat tidak akan dianggap sebagai penerusan Polisi ini dan sebarang Premium yang diterima akan dikembalikan tanpa faedah dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan jaminan yang disediakan di bawah Polisi ini.

### **2. PENAMATAN SIJIL JAMINAN**

- 2.1. Sijil Jaminan akan ditamatkan secara automatik pada mana-mana keadaan berikut yang terawal:
  - (a) Pada kematian Hayat yang Diinsuranskan; atau
  - (b) Syarikat menarik balik Polisi ini dan Sijil Jaminan sepenuhnya daripada pasaran mengikut Syarat Penarikan Balik Portfolio seperti yang dinyatakan dalam Bahagian B Polisi ini; atau
  - (c) Apabila Sijil Jaminan menjadi tidak sah, luput, atau ditamatkan menurut mana-mana peruntukan Polisi ini; atau
  - (d) Apabila tiada bayaran Premium dalam Tempoh Tangguh seperti yang dinyatakan dalam Bahagian B Polisi ini; atau
  - (e) Pada mana-mana tarikh lain di mana Hayat yang Diinsuranskan tidak lagi layak untuk jaminan; atau
  - (f) Pada Tarikh Luput Sijil seperti yang dinyatakan dalam Sijil Jaminan; atau
  - (g) Apabila permintaan bertulis daripada Pemilik Sijil untuk penamatan Sijil Jaminan diterima oleh Syarikat; atau
  - (h) Pada Ulang Tahun Sijil berikutnya selepas penamatan Polisi ini; atau
  - (i) Penukaran risiko yang tidak boleh diinsuranskan di bawah Polisi ini dan Sijil Jaminan; atau
  - (j) Pada pembatalan Sijil Jaminan dalam Tempoh Bertenang seperti yang dinyatakan dalam Bahagian B Polisi ini.
- 2.2. Syarikat akan dilepaskan daripada semua liabiliti berkenaan dengan jaminan di bawah Sijil Jaminan selepas tarikh kuatkuasa penamatan Sijil Jaminan.
- 2.3. Jika atas apa-apa sebab Premium diterima oleh Syarikat selepas Sijil Jaminan ditamatkan seperti yang dinyatakan di atas, Premium yang diterima oleh Syarikat tidak akan dianggap sebagai penerusan Sijil Jaminan dan sebarang Premium yang diterima akan dibayar balik tanpa faedah dan Syarikat akan tidak bertanggungjawab berkenaan dengan jaminan yang disediakan di bawah Sijil Jaminan.

## **BAHAGIAN E: PENGECUALIAN**

Polisi ini tidak melindungi sebarang Penghospitalan, Pembedahan, atau caj-caj yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhannya atau sebahagiannya disebabkan oleh atau timbul daripada atau akibat daripada atau disumbangkan oleh mana-mana satu kejadian berikut:

1. Keadaan Sedia Ada.
2. Penyakit Tertentu.
3. Sebarang Ketidakupayaan dan tanda-tanda atau simptomnya yang muncul semasa Tempoh Menunggu kecuali untuk Kecederaan akibat Kemalangan.
4. Sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
5. Pembedahan plastik/kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, cermin mata, kanta dan pembetulan refraksi atau pembedahan rabun dekat dan rabun jauh (keratotomi radial atau lasik), penggunaan atau pemerolehan peralatan atau peranti prostetik luaran seperti anggota tiruan, alat pendengaran, dan preskripsinya.
6. Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian, pembedahan mulut; kecuali jika diperlukan akibat Kecederaan akibat Kemalangan atas gigi asli yang sihat yang berlaku dalam tempoh jaminan. Perbelanjaan yang timbul daripada penempatan gigi palsu dan perkhidmatan prostetik seperti jambatan gigi dan korona gigi atau penggantinya bagi kes-kes Kecederaan akibat Kemalangan tidak akan dibayar.
7. Kejururawatan peribadi, rawatan rehat pulih atau penjagaan sanitari, dadah haram, mabuk (termasuk tetapi tidak terhad kepada alkohol dan dadah), pensterilan, penyakit kelamin dan sekuelanya, Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Keadaan Berkaitan AIDS (ARC) dan penyakit berkaitan Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV).
8. Sebarang rawatan, penilaian, atau pembedahan untuk Kecacatan/Penyakit Kongenital atau keabnormalan termasuk penyakit keturunan.
9. Kehamilan, persalinan (termasuk persalinan pembedahan dan sebarang prosedur pembedahan atau bukan pembedahan atas sistem pembiakan wanita semasa persalinan pembedahan), keguguran, pengguguran, dan penjagaan pranatal atau selepas kehamilan dan kaedah cegah hamil pembedahan, mekanikal atau kimia atau rawatan yang berkaitan dengan kemandulan.
10. Disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan.
11. Penghospitalan yang terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, peperiksaan am fizikal atau perubatan, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Ketidakupayaan yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan mana-mana rawatan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
12. Kecederaan atau Penghospitalan akibat penyalahgunaan dadah, gangguan ketagihan daripada penyalahgunaan dadah, atau semasa berada di bawah pengaruh alkohol.
13. Percubaan bunuh diri, ancaman, atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.
14. Peperangan atau sebarang tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, tugas aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan, dan kekecohan awam atau pemberontakan, perang nuklear, peperangan/aktiviti biologi dan kimia.
15. Sinaran pengionan atau pencemaran radioaktif dari mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada mana-mana bahan senjata nuklear.
16. Perbelanjaan yang ditanggung bagi pendermaan mana-mana organ badan oleh Hayat yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya.
17. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, rawatan hiperhidrosis, terapi penggantian hormon, terapi sel stem, imbasan PET, dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, refleksologi, penetapan tulang, rawatan pakar herba, urutan, terapi oksigen hiperbarik

atau aromaterapi, atau rawatan alternatif lain.

18. Penjagaan atau rawatan yang bayarannya tidak diperlukan atau setakat yang ia perlu dibayar oleh mana-mana insurans atau indemniti lain yang melindungi Hayat yang Diinsuranskan dan Ketidakupayaan yang muncul daripada tugas pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja atau daripada mana-mana sumber berkenaan dengan Kecederaan atau Kesakitan atau Penyakit yang mana tuntutan dibuat.
19. Gangguan jiwa, mental, atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
20. Kos/perbelanjaan perkhidmatan bukan bersifat perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, perkhidmatan jalur lebar, bil elektrik untuk pengecasan telefon bimbit, radio atau kemudahan serupa, kit/pek selamat datang, surat khabar dan barangan bukan perubatan lain yang tidak layak.
21. Kesakitan atau Kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada payung terjun, terjun udara, ski air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, mendaki gunung, sukan musim sejuk, atau sukan professional.
22. Melibatkan diri dalam penerbangan udara dan penerbangan peribadi selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual yang dilesenkan untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
23. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pertukaran jantina.
24. Sebarang rawatan Pesakit Luar yang tidak berkaitan dengan rawatan pesakit dalam, kecuali yang disediakan di bawah Sijil Jaminan.
25. Akibat daripada melakukan, mencuba perbuatan yang menyalahi undang-undang atau mencetuskan serangan atau jenayah atau daripada sebarang pelanggaran undang-undang.

## PENYATA MAKLUMAT POLISI

Untuk dibaca bersama Polisi yang dilampirkan dan Sijil Jaminan.

1. Bukti Umur Hayat yang Diinsuranskan diperlukan sebelum pembayaran sebarang manfaat di bawah Polisi dan Sijil Jaminan melainkan jika Umur telah diperakui. Jika tidak diperakui, sila kemukakan salinan foto dokumen pengenalan Hayat yang Diinsuranskan untuk perakuan Umur.
2. Kemudahan pembayaran premium yang tersedia kepada Pemilik Sijil adalah melalui Aplikasi Merchantrade Money atau Kad Prabayar Visa Merchantrade Money, manakala kemudahan pembayaran premium yang tersedia untuk Pemilik Polisi adalah perbankan atas talian.

Pindahan dana dengan butiran seperti berikut:

Nama Akaun	: MCIS INSURANCE BERHAD
Nombor Pendaftaran Syarikat	: 199701019821 (435318-U)
Nombor Akaun	: 7011278304
Nama Bank	: OCBC Bank (M) Berhad
Kod Swift	: OCBCMYKL

MCIS Insurance Berhad berhak untuk menyemak kemudahan pembayaran premium yang tersedia apabila dianggap perlu.

3. Subperenggan 5(1), Jadual 10, Seksyen 130 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 memperuntukkan penamaan bagi seseorang untuk menerima wang polisi semasa permohonan insurans hayat atau selepas Polisi atau Sijil Jaminan dikeluarkan.

Untuk mengelakkan keraguan, bagi Polisi atau Sijil Jaminan di mana Hayat yang Diinsuranskan beragama Islam, wang polisi hendaklah diagihkan mengikut Undang-undang Islam.

4. Jika berkenaan, di bawah polisi amanah, Pemilik Polisi atau Pemilik Sijil tidak boleh berurusan dengan Polisi atau Sijil Jaminan dengan mengubah atau menyerah Polisi atau Sijil Jaminan atau membuat penyerahan hak atau menyandarkan Polisi atau Sijil Jaminan sebagai cagaran, tanpa keizinan bertulis daripada pemegang amanah.
5. Untuk membolehkan MCIS Insurance Berhad memaklumkan Pemilik Polisi atau Pemilik Sijil dengan perubahan maklumat penting yang diperlukan atau menghantar notis pembaharuan (jika berkenaan) kepada Pemilik Polisi atau Pemilik Sijil atau sebarang perkara berkaitan Polisi atau Sijil Jaminan, Pemilik Polisi dan Pemilik Sijil diminta agar memaklumkan kepada MCIS Insurance Berhad tentang alamat surat-menyurat terkini dan juga alamat terkini penama(-penama) Hayat yang Diinsuranskan.
6. Di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Pemilik Polisi atau Pemilik Sijil memutuskan untuk tidak meneruskan Polisi atau Sijil Jaminan, masing-masing, Pemilik Polisi atau Pemilik Sijil boleh membatalkan Polisi atau Sijil Jaminan dalam tempoh lima belas (15) hari dari penerimaan Polisi atau Sijil Jaminan dan MCIS Insurance Berhad akan membayar balik Premium yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung kepada Pemilik Sijil tanpa faedah. Selepas pembatalan, jaminan di bawah Polisi atau Sijil Jaminan akan dianggap tidak berkuatkuasa.
7. Sekiranya Pemilik Sijil memutuskan untuk tidak meneruskan Sijil Jaminan selepas Tempoh Bertenang, Pemilik Sijil boleh membatalkan Sijil Jaminan dengan menghantar permintaan bertulis untuk pembatalan kepada MCIS Insurance Berhad secara langsung atau melalui Pemilik Polisi. Nilai serahan (jika ada) akan dibayar. Di mana berkenaan, jika Pemilik Sijil menyerahkan Sijil Jaminan sebelum tarikh matang/luput Sijil Jaminan, Pemilik Sijil mungkin tidak akan mendapat sebarang amaun atau mungkin mendapat pulangan kurang daripada jumlah yang telah dibayar.
8. Ianya mungkin tidak menguntungkan Pemilik Polisi atau Pemilik Sijil untuk menyerahkan atau menggantikan Polisi atau Sijil Jaminan yang sedia ada dengan yang baru. Sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan MCIS Insurance Berhad sebelum membuat keputusan muktamad.
9. Adalah penting untuk Pemilik Polisi atau Pemilik Sijil mengekalkan Polisi atau Sijil Jaminan dengan membayar Premium pada tarikh premium perlu dibayar agar Hayat yang Diinsuranskan layak untuk menerima manfaat di bawah Polisi atau Sijil Jaminan. Kegagalan membayar Premium dalam masa yang ditetapkan boleh menyebabkan Polisi atau Sijil Jaminan ditamatkan oleh MCIS Insurance Berhad.

10. Untuk sebarang pertanyaan maklumat atau perkhidmatan berkaitan dengan Polisi atau Sijil Jaminan, sila hubungi:

Perkhidmatan Pelanggan Merchantrade Asia Sdn. Bhd.

(a) Emel : [MI\\_enquiries@mtradeasia.com](mailto:MI_enquiries@mtradeasia.com)

(b) Talian Utama : 03-8313 8606 [Isnin hingga Jumaat – 9:00 pagi hingga 5:30 petang (kecuali cuti umum)]

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan bantuan daripada Pusat Perkhidmatan Pelanggan MCIS Insurance Berhad di:

(a) Telefon : 03-7652 3388; atau

(b) Emel : [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my); atau

(c) Menulis kepada alamat seperti yang ditunjukkan di Polisi atau Sijil Jaminan.

Pemilik Polisi atau Pemilik Sijil juga boleh mendapatkan bantuan daripada pejabat cawangan MCIS Insurance Berhad yang terdekat.

11. Jika Pemilik Polisi atau Pemilik Sijil tidak puas hati dengan perkhidmatan yang disediakan oleh MCIS Insurance Berhad, badan-badan berikut diberikuasa untuk memantau pertanyaan dan aduan awam mengenai perkara berkaitan insurans. Pemilik Polisi atau Pemilik Sijil boleh menghubungi mereka untuk mendapatkan bantuan di:

**Ombudsman Perkhidmatan Kewangan**

*(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)*

Tingkat 14, Blok Utama,  
Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000, Kuala Lumpur.  
Tel : 03-2272 2811  
Faks : 03-2272 1577

**Bank Negara Malaysia Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)**

Bank Negara Malaysia  
P.O. Box 10922  
50929 Kuala Lumpur.  
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)  
Tel Luar Negara : +603-2174-1717  
Faks : +603-2174-1515  
Web : [bnmlink.bnm.gov.my](http://bnmlink.bnm.gov.my)

## MAKLUMAT PENTING

### Unit Pengendalian Aduan

Pemilik Polisi dan Pemilik Sijil yang dihormati,

Unit Pengendalian Aduan akan berurusan terus dengan anda. Prosedur khas dan khusus telah diwujudkan untuk menangani semua aduan dalam keadaan yang adil dan berkesan. Anda boleh menghantar aduan anda kepada Unit Pengendalian Aduan seperti berikut:

**Jawatan** : **Pengawai Aduan**

**Alamat** : **Wisma MCIS  
Jalan Barat  
46200 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan**

**No. Tel** : **03-7652 3388**

**Emel** : **complaint@mcis.my**

Aduan sebaik-baiknya hendaklah dikemukakan secara bertulis dan dihantar kepada Unit Pengendalian Aduan secara persendirian, pos biasa, atau emel.

Laman web korporat Kami ialah [www.mcis.my](http://www.mcis.my) (Pergi ke "Talk To Us" dan rujuk kepada "Complaints Guide" untuk mengetahui bagaimana anda boleh menghantar aduan formal).

Anda boleh juga berjumpa dengan kakitangan Pusat Perkhidmatan Pelanggan Kami atau cawangan yang berdekatan untuk melaporkan aduan anda.

Aduan Pemilik Polisi dan Pemilik Sijil yang diterima dari semua lokasi atau sumber akan dipantau secara teliti oleh Unit Pengendalian Aduan untuk memastikan penyelesaian yang memuaskan.

Kami mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada anda kerana memilih Kami sebagai penginsurans anda. Sebagai balasan, Kami memberi jaminan bahawa anda akan menerima perkhidmatan dan manfaat seperti mana yang telah Kami janjikan kepada anda.

Yang Benar

**MCIS INSURANCE BERHAD**



Prasheem Seebran  
Ketua Pengawai Eksekutif